

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)



## Jemputan Empat Tahun Daripada Nabi

**Presiden Nelson telah memimpin Gereja Yesus Kristus sejak 14 Januari 2018**

Sejak menjadi Presiden ke-17 Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir pada 14 Januari 2018, Presiden Russell M. Nelson telah menggunakan persidangan umum, media sosial dan cara lain untuk menghulurkan jemputan kepada para Orang Suci Zaman Akhir di seluruh dunia — jemputan untuk bertindak dengan iman.

Presiden Nelson mengulangi banyak jemputan ini dalam siaran media sosial baru-baru ini pada 1 Januari untuk mereka yang membuat azam untuk tahun yang akan datang. Cadangannya termasuk menguatkan landasan rohani seseorang, membiarkan Tuhan menang, menghapuskan pertikaian dan berterusan dalam usaha untuk “dengarkanlah Dia.”



Reverend Dr. Amos C. Brown berucap pada persidangan akhbar dengan kepimpinan NAACP di Bangunan Pentadbiran Gereja di Temple Square di Salt Lake City pada 14 Jun 2021.



Presiden Russell M. Nelson dan isterinya, Wendy, menyapa Juan David Vargas Saavedra yang berusia enam tahun dan adiknya Joseph Daniel Vargas Saavedra yang berusia lima tahun. Bersama mereka ialah ibu bapa mereka, Nairo Vargas Guerrero dan Anna Alicia Vargas Saavedra, serta adik-beradik perempuan Valentina dan Isabella. Keluarga itu bertemu Presiden Nelson pada persinggahan pertamanya dalam lawatan pelayanan global, di Hyde Park Chapel yang bersejarah di London, England, pada 12 April 2018.



Gembira dengan kunjungan mereka kepada para ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir di India pada 19 April 2018, pasangan Nelson dan Holland melambai selamat tinggal.



Presiden Nelson menyapa para ahli muda Orang Suci Zaman Akhir di Asunción, Paraguay, pada hari Isnin, 22 Oktober 2018.



Presiden Russell M. Nelson dan Elder K. Brett Nattress dari Tujuh Puluh, kiri, melawat para pemimpin Islam yang bertemu di Auckland, New Zealand, 21 Mei 2019. Gereja menderma \$100,000 untuk membantu membina semula dua masjid yang musnah berikutan tembakan tragis yang berlaku di Christchurch pada 15 Mac 2019.



Presiden Russell M. Nelson dan isterinya, Wendy, menyapa pasangan orang Suci Zaman Akhir selepas pertemuan rohani 20 Oktober 2018 di Peru.



Presiden Russell M. Nelson, isterinya, Wendy, dan Elder Gary E. Stevenson dari Kuorum Dua Belas Rasul, menyapa para Orang Suci Zaman Akhir di Peru untuk pertemuan rohani petang 20 Oktober 2018.



Presiden Russell M Nelson bertemu dengan Perdana Menteri New Zealand Jacinda Ardern di Wellington, 20 Mei 2019.



Tate Chan yang berusia tiga tahun memeluk Presiden Gereja Russell M. Nelson selepas pertemuan rohani di Singapura pada hari Rabu, 20 November 2019. Nenek Tate, Sarah Chan (kanan), sedang memerhati.



Pemimpin antara agama bergembira dengan peluang untuk bertemu Presiden Gereja Russell M. Nelson sebelum pertemuan rohani yang diadakan di Singapura, pada hari Rabu, 20 November 2019. Presiden Nelson berjabat tangan dengan Encik Sarjit Singh, seorang ahli komuniti Sikh.

Pada penutupan persidangan umum Oktober 2021, Presiden Nelson — seorang pakar bedah jantung dan penyelidik perubatan yang terkenal di dunia sebelum memasuki pelayanan Gereja sepenuh masa pada tahun 1984 — memohon kepada para pendengar di seluruh dunia untuk lawan godaan dunia dengan mengaturkan masa untuk Tuhan setiap hari. “Tiada yang menjemput Roh lebih daripada memperbaiki fokus anda kepada Yesus Kristus,” katanya.

Untuk menandakan empat tahunnya sebagai pemimpin Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, berikut adalah beberapa jemputan bersejarah daripada Presiden Nelson.

### **Kekal pada Jalan Perjanjian**

Dalam persidangan akhbar pada Januari 2018 berikutan pentahbisannya sebagai Presiden Gereja, Presiden Nelson berkata: “Sekarang, kepada setiap ahli Gereja saya berkata: Kekal pada jalan perjanjian. Komitmen anda untuk mengikuti Juruselamat dengan membuat perjanjian dengan-Nya dan kemudian mentaati perjanjian itu akan membuka pintu kepada setiap berkat

rohani dan keistimewaan yang tersedia untuk para lelaki, wanita dan kanak-kanak di mana-mana sahaja.”

Sama ada seseorang itu telah berjalan sepanjang jalan perjanjian, telah terkeluar dari jalan itu atau tidak dapat melihat jalan dari mana mereka berada, Presiden Nelson berkata kepada para saudara imamat semasa persidangan umum April 2019: “Saya memohon agar anda bertaubat. Mengalami kuasa pertaubatan seharian yang memperkuatkan — dengan melakukan dan menjadi sedikit lebih baik setiap hari.”

### **Tingkatkan Kemampuan Rohani dan ‘Dengarkanlah Dia’**

Semasa persidangan umum pertamanya sebagai Nabi, Presiden Nelson menggesa para Orang Suci Zaman Akhir untuk meningkatkan kemampuan rohani mereka untuk menerima wahyu. “Di hari-hari yang mendatang, ia akan menjadi mustahil untuk bertahan secara rohani tanpa bimbingan, arahan, galakan dan pengaruh yang tetap daripada Roh Kudus,” katanya.

Berdasarkan kurikulum yang berpusat pada keluarga, dan disokong oleh Gereja yang ditekankan semasa persidangan umum Oktober 2018, Presiden Nelson menjemput individu dan keluarga untuk membentuk semula rumah mereka menjadi “tempat perlindungan iman” dan “pusat pembelajaran injil.” Dia berjanji, “Perubahan dalam keluarga anda akan menjadi dramatik dan berterusan.”

Untuk membantu para wanita meningkatkan kemampuan rohani mereka, Presiden Nelson menjemput mereka semasa persidangan umum Oktober 2019 untuk mengkaji dengan penuh doa Ajaran dan Perjanjian 25 dan “semua kebenaran yang anda boleh cari tentang kuasa imamat.”

“Apabila pemahaman anda bertambah dan apabila anda menjalankan iman dalam Tuhan dan kuasa imamat-Nya, kebolehan anda untuk mendapatkan harta karun rohani ini yang Tuhan telah sediakan akan meningkat,” dia berjanji.

Dalam siaran media sosial Februari 2020, Presiden Nelson memberi jemputan yang berkaitan dengan ulang tahun ke-200 Penglihatan Pertama. Bapa Syurgawi secara peribadi memperkenalkan Putera Terkasih-Nya Yesus Kristus kepada Joseph Smith, dengan tugas khusus untuk “dengarkanlah Dia.”

“Saya menjemput anda untuk berfikir secara mendalam dan kerap mengenai soalan penting ini: Bagaimana anda mendengarkan Dia?” tulis Presiden Nelson.

Bapa Syurgawi tahu apabila anak-anak-Nya dikelilingi oleh ketidakpastian dan ketakutan, “apa yang paling membantu kita adalah untuk mendengar Putera-Nya,” kata Presiden Nelson semasa persidangan umum April 2020. “Kerana apabila kita cari untuk dengar — benar-benar dengar — Putera-Nya, kita akan dibimbing untuk tahu apa yang harus dilakukan dalam setiap keadaan.”

### **Kumpulkan Israel dan Membiarkan Tuhan Menang**

Ajaran tentang pengumpulan Israel telah menarik perhatian Presiden Nelson selama lebih 36 tahun sebagai seorang Rasul, katanya semasa persidangan umum Oktober 2020. “Bila-bila masa kita lakukan apa-apa saja yang membantu seseorang — di kedua-dua belah tirai — untuk membuat dan mentaati perjanjian mereka dengan Tuhan, kita sedang membantu mengumpulkan Israel.”

Salah satu makna Ibrani bagi perkataan “Israel” ialah “membiarkan Tuhan menang,” kata Presiden Nelson. Menyusul jemputan untuk para Orang Suci Zaman Akhir untuk memimpin dalam meninggalkan sikap dan tindakan prasangka, dia bertanya: “Adakah anda bersedia untuk membiarkan Tuhan menang dalam hidup anda? Adakah anda sudi membiarkan Tuhan menjadi pengaruh yang paling penting dalam hidup anda?”

Pengumpulan itu adalah “perkara paling penting yang berlaku di bumi hari ini,” Presiden Nelson memberitahu para remaja semasa pertemuan rohani di seluruh dunia pada Jun 2018, menjemput mereka untuk menyertai batalion remaja Tuhan untuk mengumpulkan Israel.



“Pengumpulan ini harus bermakna segalanya bagi anda. Inilah misi yang di mana anda dihantar ke bumi.”

Dia mencabar para remaja untuk membaca Kitab Mormon setiap hari untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pengumpulan itu. Dia juga memberikan lima jempukan yang dia janjikan “akan mengubah anda dan membantu mengubah dunia”: mengadakan puasa tujuh hari daripada media sosial, membuat pengorbanan masa setiap minggu kepada Tuhan, kekal pada jalan perjanjian, berdoa setiap hari agar semua anak Tuhan boleh menerima berkat injil, dan menonjol dan menjadi cahaya.

Semasa ucapannya dalam sesi umum wanita pada Oktober 2018, Presiden Nelson menyampaikan “pemohonan kenabian” kepada para wanita Gereja untuk mengambil bahagian dalam pengumpulan Israel. Dia menjemput para wanita untuk mengadakan puasa 10 hari daripada media sosial, membaca Kitab Mormon sebelum akhir tahun, menghadiri bait suci secara tetap dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam Lembaga Pertolongan.

### **#GiveThanks (#BeriKesyukuran)**

Untuk membawa harapan dan penyembuhan semasa masa ketidakstabilan dan ketidakpastian global pada November 2020, Presiden Nelson memberi ubat rohani yang “bertindak pantas dan tahan lama” kepada dunia. Dia menyampaikan dua jempukan yang berkaitan dengan “kuasa penyembuhan kesyukuran.”

“Pertama, saya menjemput anda — hanya untuk tujuh hari akan datang — untuk menukar media sosial menjadi jurnal kesyukuran peribadi anda sendiri. Siarkan setiap hari tentang apa yang anda syukuri, siapa yang anda syukuri dan mengapa anda bersyukur,” katanya dalam pesanan video 20 November 2020, menjemput semua menggunakan hashtag #GiveThanks.

“Kedua, marilah kita bersatu dalam kesyukuran kepada Tuhan melalui doa harian. Yesus Kristus mengajar para pengikut-Nya untuk berdoa dengan terlebih dahulu menyatakan rasa

kesyukuran kepada Tuhan, dan kemudian memohon kepada-Nya untuk perkara yang kita perlukan. Doa mendatangkan mukjizat.”

### **Tingkatkan Iman kepada Kristus**

Iman kepada Yesus Kristus adalah kuasa terbesar yang tersedia dalam kehidupan ini, kata Presiden Nelson semasa persidangan umum April 2021.

“Saudara dan saudari, panggilan saya kepada anda pada pagi Easter ini adalah mula hari ini untuk tingkatkan iman anda,” katanya. “Melalui iman anda, Yesus Kristus akan meningkatkan kemampuan anda untuk mengalihkan bukit dalam hidup anda, meskipun cabaran peribadi anda sebesar Gunung Everest.”

Presiden Nelson memberi lima cadangan untuk membantu Orang Suci Zaman Akhir membentuk iman dan kepercayaan itu:

- Pertama, mengkaji. Jadilah pelajar yang aktif.
- Kedua, pilih untuk percaya kepada Yesus Kristus.
- Ketiga, bertindak dalam iman.
- Keempat, terlibat dalam tatacara kudus secara layak.
- Kelima, minta Bapa Syurgawi, dalam nama Yesus Kristus, untuk bantuan.

### **Menguatkan Landasan Rohani**

Apabila kerja pengubahsuaian Bait Suci Salt Lake sudah lengkap, tidak akan ada tempat yang lebih selamat semasa gempa bumi di Lembah Salt Lake daripada di dalam bait suci itu, kata Presiden Nelson semasa persidangan umum Oktober 2021. Dia menyeru para Orang Suci Zaman Akhir untuk melaksanakan “tindakan luar biasa” untuk mengukuhkan landasan rohani peribadi mereka.

“Saudara dan saudari yang dikasihi, inilah zaman akhir. Jika anda dan saya akan menahan bahaya dan tekanan yang akan datang, ia adalah mustahak bahawa kita masing-masing ada landasan rohani yang kukuh dibina di atas batu Penebus kita, Yesus Kristus.

“Jadi, saya tanya setiap anda: ‘betapa teguhkah landasan anda? Dan pengukuhan apakah diperlukan untuk kesaksian dan pemahaman injil anda?’ .... Sila percaya saya apabila saya berkata bahawa apabila landasan rohani anda dibina dengan teguh pada Yesus Kristus, anda tidak perlu takut.”